



# Indonesia Merdeka

(Oleh Idrus –khas bagi majalah Qalam sahaja)

Sekarang marilah kita memerhati hal ehwal bandar Jakarta. Di dalam masa penjajahan Belanda dahulu Jakarta ini disebut Betawi (dalam bahasa Belandanya Batavia). Sesudah penjajahan nama asal bandar itu ditukar semula dengan nama Jakarta. Belanda menukar nama Jakarta kepada Batavia itu ialah sesudah nama asal tempat perasmian Raja daripada Bentam yang nama asalnya Jayakarta atau Kuat yang Berjaya pada tahun 1619. Nama Betavia itu diambil daripada tempat asal Gabenor Jeneral Ian Peter Sung Kun yang telah menakluk bandar itu atau yang telah mengasaskan penjajahan Belanda di Indonesia sehingga di dalam masa Belanda namanya sentiasa dimuliakan dan gambarnya diletakkan di dalam wang kertas Hindia Belanda.

Semenjak timbulnya semangat kebangsaan yang dimulai dari tahun 1908 maka penganjur-penganjur kebangsaan selalu menyebut nama Jakarta sehingga akhirnya pada 17 Ogos 1945 tatkala kemerdekaan Indonesia diisytiharkan oleh Presiden Sukarno dengan nama Jakarta. Yang demikian itu kekal dinamakan mereka sekalipun tidak diiktiraf oleh Belanda tatkala Pihak-pihak Kebangsaan undur daripada bandar itu dengan rempuhan tentera Belanda. Bandar ini luasnya 182 kilometer dengan berpenduduk seramai lebih daripada dua million manusia. Iaitu terbahagi-bahagi daripada satu million setengah orang Indonesia, tiga ratus lima ribu Cina dan seratus lima puluh ribu

lain-lain bangsa. Tempat yang ramai sekali sehari-hari di dalam daerah itu ialah di Senin, di Pasar Baharu dan di daerah Pasar Pagi. Di Senin dan di Pasar Pagi adalah menjadi tempat-tempat perniagaan yang bercampur di antara orang-orang Indonesia dan lain-lain bangsa samaada di dalam pasar-pasarnya ataupun di dalam kedai-kedainya tetapi yang terbanyaknya berniaga di situ ialah orang-orang Cina. Mulai daripada Gelodok membawa ke Pasar Pagi ialah tempat yang ramai sekali menjadi perhimpunan orang dan di sinilah pusatnya kedudukan dan tempat perniagaan orang-orang Cina dan bolehlah ia saya sifatkan keadaannya sebagai Guca Cui di Singapura. Dalam kawasan inilah tempat perniagaan orang-orang Cina yang ramai sekali di dalam bandar itu dan tidak jauh dari situ baharulah ada bangunan-bangunan yang besar tempat-tempat perniagaan orang-orang putih.

Di Jakarta khasnya dan di seluruh Indonesia umumnya perniagaan-perniagaan itu umumnya tergenggam di dalam tangan orang-orang Cina. Oleh yang demikian maka tidaklah hairan jika orang Cina itulah yang mempunyai pengaruh yang besar di dalam serba-serbi perniagaan terutamanya di dalam pusat ibu negeri Indonesia. Pengaruh-pengaruh perniagaan dan kesan-kesannya kepada kerajaan adalah sangat besar sekali dan tidaklah hairan apabila berdiri sahaja pemerintahan Republik Indonesia Syarikat yang dimulai pada hari penyerahan 29 Disember 1949 maka orang-orang Cina telah mengetahui bahawa pihak kerajaan Indonesia

tentu akan mengutamakan orang-orang Indonesia sendiri di dalam perniagaan itu. Dengan itu maka cepat mereka menaja suatu binaan dengan menggunakan orang-orang Indonesia di hadapannya membuka syarikat yang baharu dengan nama Indonesia tetapi di sebalik itu yang mengemudi, yang memodali perniagaan itu ialah orang-orang Cina sedang orang Indonesia tadi sebagai manager yang dijadikan perkakas kepada mereka.

Perkara ini telah merebak beberapa lamanya tetapi kemudiannya muslihat itu diketahui dan diperhati oleh pihak kerajaan yang dengannya kemudian apa-apa kelebihan yang hendak diberi kepada binaan iktisad bagi putera bumi itu lebih dahulu diperiksa adakah modal itu sebenarnya daripada orang Indonesia atau daripada orang-orang Cina oleh kerana itu khabar-khabarnya banyak terjadi perkara-perkara yang tidak menggemarkan berlaku disebabkan oleh kecuaian atau disebabkan tipu muslihat yang tersebut yang kemudian keuntungannya bukannya bagi orang-orang Indonesia tetapi bagi orang-orang Cina.

Orang-orang Cina di seluruh Indonesia itu tidak mau menerima sama sekali jika ia dipanggil orang Cina. Mereka menamakan diri mereka ialah orang Tionghua. Boleh dikatakan di seluruh bandar-bandar yang besar di dalam Indonesia mereka itu tinggal berkampung halaman di dalam suatu daerah dan banyak tempat-tempat mereka itu digelarkan kampung Cina sekalipun nama-nama tempatnya berlain-lainan. Ramainya penduduk-penduduk

Cina di daerah Gelodok itu dapat dibuktikan apabila diadakan pasar malam terutamanya pada masa perayaan Cap Go Meh, sebagaimana di tempat-tempat lain, malam itu dirayakan dan di dalam Gelodok Jakarta itu di sana penuh boleh dibilang oleh orang-orang Cina belaka. Di sinilah mereka selalu berjalan berdubun-dubun ke hulu ke hilir bermukuh-mukuh terutamanya jika ada yang berjalan di hadapan mereka gadis-gadis. Keadaan perangai dan kelakuan mereka tidak ubahnya seperti keadaan di dalam perayaan-perayaan di Singapura ini juga. (bersambung)

## **CUBA**

Cuba itu suatu punca

Cawangnya ada sedia teruja

**C** Cuai dan culas ada berpunca

Celanya menunggu junjungannya pica

Waktu mencuba berfikirlah satu

Was-wasnya banyak akan bersekutu

**U** Walang dan bimbang ada di Sabtu

Wa'ad Wa'id belum menentu

Benar permulaanku dengan meraba

**B** Banyak yang parah denganku bersabu

Boleh tak boleh maulah dicuba

Bingal dan cekal hendaklah diloba.

Harun.D.L. Singapura

## **INSYA-ALLAH TERPELIHARA ANAK TUAN-TUAN DENGAN MEMAKAN:**

*Ubat Cacing Mahsyur Tabib Ahmad Khalid*

**49 LAHAT ROAD, IPOH PERAK**